

Headline	BUAH, PUCUK, KULIT JERING BOLEH DIGUNA		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	19 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	1,270,667
Page No	6	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	198 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,800
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,400



# BUAH, PUCUK, KULIT JERING BOLEH DIGUNA

## SEKILAS

**Jering** berasal dari Semenanjung Malaysia dan Thailand. Pokok ini ialah pokok saka yang besar, rendang dan selalunya tumbuh meliar di dalam hutan.

Biasanya jering aktif berbunga dan berbuah dari Jun hingga Ogos dan di luar musim iaitu dari Disember hingga Februari.

Pokok ini dibiakkan melalui biji benih matang

yang disemai di tapak semaian atau tumbuh liar daripada biji yang gugur.

Sejenis pokok sederhana besar, rimbun dan mempunyai banyak dahan serta mampu mencapai ketinggian 10 hingga 25 meter.

Batang kayu jering licin dan berwarna kelabu

keperang-perangan serta mempunyai getah merah keungu-unguan. Kayunya keras, tetapi dahannya mudah sekah terutama apabila banyak daun.

Buah jering berwarna perang keungu-unguan dan berlenggai. Lenggainya berputar atau bengkok sedikit berukuran 15 hingga 25 sentimeter (sm) panjang dan lebarnya tiga hingga empat sm serta berlobus pada tempat yang mengandungi biji.

Setiap lenggai atau tangkai mengandungi lima hingga 20 biji dan berkulit keras. Bijinya orbikular berukuran dua hingga tiga sm diameter dan tebalnya 1.5sm.

Biji muda berwarna putih kekuning-kuningan. Tangkai buah jering agak liat untuk dileraikan

daripada pucuk. Buah yang tua jika tidak dituai akan

kering, terbuka sendiri untuk membebaskan biji-bijinya yang besar berwarna perang kemerah-merahan.

Buahnya gugur ke tanah dan kadang-kadang biji yang kering ini tumbuh sebagai biji benih. Bahagian yang digunakan dalam perubatan tradisional ialah buah, pucuk dan kulit pokok.

Bunga jering berumpun-rumpun atau berjambak-jambak pada aksil daun dan terminal ranting atau dahan. Bunga sesil empat hingga tujuh kuntum dalam bentuk subumbel, mempunyai banyak stamen dan berwarna putih kekuning-kuningan. - Sumber Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)

Headline	BUAH, PUCUK, KULIT JERING BOLEH DIGUNA		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	19 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	1,270,667
Page No	6	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	198 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,800
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,400

